



Government officials will never ask you to transfer money or disclose bank log-in details over a phone call.
Call the 24/7 ScamShield Helpline at 1799 if you are unsure if something is a scam.

Home > Newspaper Catalogue > Berita Harian > 1959 > June > 26 > Page 6 > MASJID NEGARA DERMA \$50,000



MASJID NEGARA DERMA \$50,000

Berita Harian, 26 June 1959, Page 6

Share

Save Citation

<< Previous Article

Next Article >>

MASJID NEGARA DERMA \$50,000

PONTIAN

MESHUARAT Jawa-
tankuasa derma
masjid negara untuk

daerah Pontian yang bersidang baharu2
ini telah memutuskan bahawa jumlah derma-
yang di-tetapkan untuk daerah Pontian

akan di-bahagi antara
sa-puluh daerah menu-
rut kemampuan pen-
duduk daerah2 itu.

Jawatankuasa Negeri ti-
dak lama dahulu telah me-
netapkan bahawa Pontian
akan mengada derma un-
tok Masjid Negara itu sa-
banyak \$50,000.

Sa-puluh bahagian dan
wang derma yang harus
di-kumpulkan untuk tiap2
bahagian itu ia-lah sa-ba-
gai berikut:—

Benut \$9,900. Ayer Baloi
\$7,800. Rimba Terjun \$7,800.
Pontian \$7,900. Api2 \$7,300.
Serkat \$5,800. Sungai Ping-
gan \$4,000. Jeram Batu
\$2,500. Sungai Karang
\$2,900. dan Ayer Masin
\$2,000

Sa-lain dari itu telah di-
tetapkan jugabahawa se-
mula kakitangan Kerajaan
di-Pontian harusmenderma
sa-banyak 5 peratus dari
gaji pokok masing yang
yang boleh di-bayarberan-
sor2 memanjang sa-iama
lima bulan, mulai dari bu-
lan July.

Orang ramai yang tidak
beragama Islam juga di-
minta derma mereka, te-
tapi tidak di-pereksa.

Satu jawatankuasa pe-
nerangan juga telah di-
lantek untok memberi pe-
nerangan kapada pendu-
dok kampong2 tersebut.
Semua derma yang di-se-
rahkan akan mendapat
resit-nya.

EMPAT ORANG anak
Kampong Parit Kudus
Pontian telah di-pilih men-
jadi guru sementara baru2
ini. Mereka ia-lah Tuan
Salbani b. Marsum, Tuan
Khalid b. Ahmad, Tuan
Yahya b. Mohamed dan Tuan
Dahlan b. Hj. R. Rahman.

Tuan Salbani b. Marsum

dan Tuan Dahlan b. Hj.
A. Rahman mengaja di-
tar ka-lain daerah kawasan
Sekolah Umum Parit Kudus
dan dua orang lagi di-han-
Sekolah Umum Parit Kudus
Johor Bahru.

SA-RAMAI 30 orang pen-
dudok Kampong Parit
Kudus Pontian dan Parit
Semerah Pontian telah
membacha Kun'an untok
Almarhum Sultan Ibrahim-
him Johor baru2 ini di-
Istana Besar Johor.

SEKOLAH Umum Tg.
Ayer Hitam. Pontian telah
mendapat 2 orang guru
tambahan untok sekolah-
nya bagi tahun ini ia-itu
Tuan2 Md. Ghazali b. Sela-
mat dan Mokhtar b. Ishak.

Dengan , tambahan dua

orang guru ini Sekolah Umum. Tg. Ayer Hitam mempunyai 7 orang guru.

SEPANG

BADAN Pengelola Sukan Kampong Jenderam telah mengadakan Sandiwara dua malam berturut2 di pekan Jendaram dengan meriah-nya.

Sandiwara ini ia-lah untuk mengutip derma sukan yang di-ura2kan oleh badan2 pengelola sukan kampong tersebut.

Cherita yang di-pentaskan ia-lah "Pertemuan".

Lebih dari 500 penonton telah menyaksikan sandiwara tersebut.

Ini-lah kali yang perta-berusaha menjayakan upa-ram mengadakan keramai-an semenjak mereka berpindah ka-kampong tersebut.

MELAKA

KELAS tari menari an-joran badan kesenian kesatuan Guru2 Melayu Melaka akan di-mulakan pada hari Sabtu, 4 July ini.

Satu perundingan bersama dengan mereka yang hendak belajar akan diadakan pada hari ini.

Hingga sekarang kira2 20 orang wanita Melayu telah meminta hendak belajar. Mereka itu ada-lah terdiri dari pelajar2 be-belaka.

Pelajaran tari menari. lagu, Melayu asli uitu akan di-akan pada tiap2 hari Sabtu





Ingin belajar masak 'ayam kukus?'

KLANG—Puan Goh Kwee Teng, sa-orang pegawai di-Maktab Asohan Wanita, Kuala Lumpur sedang menunjukkan cara memasak "Ayam Kukus" kepada anggota2 Perkumpulan Wanita di-Klang. Di-kanan-nya ialah Che Siti Khatijah Ibrahim, pengerusi, P. W. bahagian Klang.



**PEMBUKAAN
MINGGU**

BAHASA DAN SASTERA

MUAR — Tuan Abdul Aziz bin Haji Shukor Pegawai Daerah Muar sedang menong pita di-hari pembukaan Minggu Bahasa dan Sastera Darjah Perguruan Daerah Muar baharu2 ini.

NLB

[Contact Us](#) [Feedback](#) [FAQ](#)



[Report Vulnerability](#) [Terms of Use](#) [Linking Disclaimer](#) [Privacy Statement](#) [Takedown Policy](#)

©2026 Government of Singapore
Last Updated 2023-01-31